


Patah tulang, tak patah semangat

» Keluarga pasang
impian lihat
**Hasnan wakili
negara**



MUHAMMAD HASNAN MD ISA

• TARIKH LAHIR:

15 Julai 1991

• ASAL: Kampung Seri Klebang Ipoh Perak

• ADIK BERADIK: Anak ke-2 daripada 7 beradik

• AYAH: Md Isa Ismail, 49

• IBU: Hanidah Jamaludin, 42

• SUKAN: Bola sepak

• POSISI: Penyerang

• SEKOLAH: Sekolah Rendah Seri Klebang, SMK Anderson, Ipoh dan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kulim, Kedah

• PENDIDIKAN:

Universiti Putra Malaysia (UPM)

• PASUKAN: PKNS

(Piala Presiden) 2011/2012

• HOBI: Menonton bola sepak

• IDOLA: Ronaldinho

• PENCAPAIAN

- Liga Perdana Malaysia

2009 (SDM Kepala Batas)

- Tokoh Kolej MARA

Kuala Nerang 2010

- Liga Majlis Sukan Malaysia

(MASUM) skuad UPM

- Separuh akhir

Piala Presiden 2012

- Kejohanan Universiti

Asean-Laos 2012

PASTINYA SAYA MAHU MENERUSKAN IMPIAN KELUARGA UNTUK MELIHAT SAYA MAMPU MEWAKILI NEGARA. JUSTERU SAYA AKAN TERUS MEMBUKTIKAN KEUPAYAAN DAN KEBOLEHAN UNTUK BERADA DI TAHAP TERTINGGI DAN BUKAN SEKADAR OMONGAN"

Muhammad Hasan Md Isa,
Penyerang PKNS

HASNAN (kanan) ketika beraksi.

Oleh Nazri Abu Bakar
bhsukan@bharan.com.my

Patah tulang pipi dan dagu dalam kemalangan jalan raya tidak langsung mematahkan semangat penyerang muda PKNS, Muhammad Hasan Md Isa untuk terus mencipta nama sebagai penggempur berbisa.

Insiden berlaku beberapa bulan lalu ketika dia menunggang motosikal untuk menjalani latihan bersama PKNS, namun dia mengakui bernasib baik masih mampu beraksisi berikutan tidak mengalami kecederaan kaki.

Kemalangan itu menyebabkan dia sekadar mampu beraksisi pada pusingan kedua Piala Presiden tetapi masih mampu mencipta enam gol. Kejadian itu bagaimanapun tidak membatas minatnya untuk terus beraksisi, malah bertekad tidak akan berhenti bermain selagi tidak menyarung jersi kebangsaan.

"Pastinya saya mahu meneruskan impian keluarga untuk melihat saya mampu mewakili negara. Justeru saya akan terus membuk-

tikan keupayaan dan kebolehan untuk berada di tahap tertinggi dan bukan sekadar omongan," katanya bersemangat.

Keazaman mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM) jurusan Pentadbiran Perniagaan itu turut didorong selepas terpilih mewakili skuad universiti Malaysia untuk kejohanan Universiti Asean 2012 di Laos tidak lama lagi.

Baginya, ia petanda terbaik bahawa dia mampu bersaing dalam memenuhi misinya mewakili skuad negara suatu hari nanti.

Sebagai membalaik kepercayaan dia mahu memastikan negara pulang meraih emas dalam kejohanan berkenaan walaupun menyedari saingan universiti Thailand, Indonesia, Singapura dan tuan rumah tetap getir.

Kelabit Hasnan persis bekas penggempur Selangor dan bekas pemain kebangsaan, Rusdi Suparman menerusi gerak dan sentuhan di muka gawang lawan. Persembahan bekas bintang kebangsaan itu jelas mempengaruhi gayanya selepas berada di bawah bimbingan Rusdi selama dua musim (2011/2012).

Baginya, dia amat bertuah berguru dengan Rusdi yang

Memegang tanggungjawab selaku peledak

[FOTO NAZRI ABU BAKAR/BH]



Hasnan azam wakili negara.

memiliki penyudah tepat, gerakan pantas, rembatan dan tandukan berbisa ketika bersama pasukan Selangor dan Malaysia.

Meskipun sebenarnya tidak memilih mana-mana pasukan untuknya beraksisi, namun dia teruja untuk mewakili skuad Kelantan berikutnya sokongan dan

pengurusan pasukan yang dianggap antara yang terbaik di negara ini.

Dia turut mengidam beraksi di liga Inggeris dengan memilih skuad Manchester United sebagai pilihan. Baginya, tidak mustahil untuk mewakili pasukan itu seperti mana dicipta rakyat Korea, Park Ji-Sung.